

Tingkat pengeluaran buah sawit

KUALA LUMPUR – TH Plantations Berhad (TH Plantations) menyasar hasil tandan buah sawit segar (FBB) sebanyak 1.3 juta tan metrik menjelang tahun 2017 dengan kadar pertumbuhan tahunan sekitar 12 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Azwar Aminuddin berkata, tahun lalu, TH Plantations mencapai pengeluaran ki-

ra-kira 23.86 tan metrik sehektar, yang mana lebih tinggi berbanding tahun 2012.

“Bagi tahun ini, kami menyasar purata 22 tan metrik sehektar bagi Kumpulan dengan kira-kira 44 peratus daripada jumlah pengeluaran dijangka disumbang dari Sarawak.

“Menjelang 2017, angka ini dijangka meningkat kepada 66 pe-

ratus dari segi sumbangan kepada Kumpulan,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini semalam.

Mengenai perbelanjaan modal, Zainal Azwar berkata, kumpulan itu telah memperuntukkan RM105 juta tahun ini untuk dibelanjakan bagi membangunkan kilang baharu di samping perbelanjaan lain.

Mengulas mengenai fenomena El Nino yang dijangka melanda pada separuh kedua tahun ini, beliau berkata, prospek syarikat bagi tahun ini dijangka terus stabil.

“Ramai penganalisis meramalkan El Nino tetapi setakat ini, hampir setiap hari hujan.

“Jika fenomena ini melanda, ia akan mendatangkan kesan terha-

dap pengeluaran dan bekalan minyak sawit mentah dan ini akan meningkatkan harga kepada sekitar RM2,500 hingga RM2,600 bagi tahun ini,” katanya.

Zainal Azwar berkata, kesan sebenar El Nino akan dirasai tahun hadapan dan pada 2016 dengan pengeluaran FBB rendah pada kira-kira 10 hingga 15 peratus sekiranya ia berlaku. – Bernama.